

19/09/1998

Iswara hadiah slogan terbaik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Proton Iswara Aeroback bernilai RM30,000 menjadi milik Teh Kah Hoe apabila beliau berjaya mencipta slogan terbaik sempena acara EON-Jambatan Pulau Pinang Pandu Proton Merdeka, baru-baru ini.

Tempat kedua dimenangi oleh Sobri Mohamad yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000, manakala Zulkifli Mohamed pula memenangi tempat ketiga dengan hadiah wang tunai RM3,000.

Peraduan itu dibuka kepada semua peserta acara berkenaan yang diadakan sempena sambutan Hari Merdeka di Pulau Pinang tahun ini. Sebanyak 2,713 kereta Proton menyertai konvoi menyeberangi Jambatan Pulau Pinang yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Urusan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata acara itu dianjurkan sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)